
USAHA DAN STRATEGI DAKWAH BADI'AL-ZAMAN SA'ID AL-NURSIY DALAM PEMBANGUNAN INSAN

BADI' AL-ZAMAN SA'ID AL-NURSIY'S DA'WAH EFFORTS AND
STRATEGY IN HUMAN DEVELOPMENT

ⁱNorullisza Khosim, ⁱⁱShereeza Mohamed Saniff & ⁱⁱⁱAzrin Ibrahim

ⁱFakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru
Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^{ii&iii}Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Penang, Malaysia

*Corresponding Author: email: norulliszakhosim@usim.edu.my

ABSTRAK

Berhadapan dengan pelbagai kesengsaraan dan mehnah kehidupan, Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursiy¹ bangkit menjadi seorang tokoh yang amat disegani dalam lapangan islah dan dakwah. Usaha dakwah beliau dapat dilihat sepanjang hayatnya demi menyelamatkan akidah umat Islam yang pada ketika itu diuji oleh penindasan musuh Islam. Persoalannya, apakah usaha dakwah yang dilakukan al-Nursiy? Apakah strategi yang digunakan bagi menjayakan dakwah tersebut? Menerusi dua persoalan ini, dua objektif utama dibentuk. Pertama, mengenal pasti usaha dakwah yang dilakukan oleh al-Nursiy dalam membantu membangun insan cemerlang. Kedua, menganalisis strategi dakwah yang digunakan berdasarkan usaha yang dilaksanakan. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, pendekatan kualitatif dengan penggunaan kaedah kajian dokumen dilakukan bagi pengumpulan data. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh al-Nursiy bermula dengan diri sendiri, sehingga kepada kelompok yang lebih luas dengan penggunaan strategi bawah-ke-atas (bottom-up) bagi mencapai matlamat dalam pembangunan insan, selain menjadi rujukan dan diguna pakai oleh para pendakwah dalam lapangan yang sama.

Kata kunci: Pembangunan insan, Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursiy, pendekatan bawah-ke-atas, strategi dakwah, rasa'il al-nur

¹ Selepas ini, Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursiy akan disebut dengan singkatan 'al-Nursiy'

ABSTRACT

Faced with various tribulations and trials of life, Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursiy rose to become a highly respected figure in the fields of islah (reform) and da'wah (preaching). His efforts in preaching were evident throughout his life to save the faith of Muslims who, at that time were tested with oppression from the enemies of Islam. The questions are, what were al-Nursiy's preaching efforts? What were the strategies used to ensure the success of his preaching? These two questions subsequently formed two main objectives. First, identifying the preaching efforts executed by al-Nursiy which had helped in developing excellent human beings. Second, analysing his preaching strategies based on the endeavours undertaken. A qualitative approach and document review are used for data collection to achieve these two objectives. The results of the research found that there were various endeavours made by al-Nursiy starting with oneself, then progressing to a wider group, complying with the bottom-up strategies to achieve the goals in human development, simultaneously as a point of reference to be adopted by preachers in the same field.

Keywords: *Human development, Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursiy, bottom-up approach, da'wah strategies, risale i-nur*

PENGENALAN

Dakwah merupakan kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Menurut Yusuf al-Qaradawiy (1996), dakwah didefinisikan sebagai satu usaha mengajak insan ke jalan kebenaran dengan melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan mengkhususkan penghambaan kepada-Nya dengan melepaskan diri daripada segala ikatan kepada selain-Nya. Dakwah juga merupakan satu perubahan daripada perkara negatif kepada yang positif menurut anjuran syariat Islam (Ab. Aziz Mohd. Zin, 1997) dengan usaha mempengaruhi tanpa paksaan untuk menimbulkan pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengamalan dalam diri sasaran (Nasrudin Sidi, 2010).

Bahkan, menurut Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahaudin (2012), hampir keseluruhan aktiviti dan galakan penyampaian dakwah adalah menjurus kepada insan sebagai pelaku pembangunan dengan menekankan aspek rohani untuk pembinaan keperibadian terpuji. Dakwah bertujuan mengubah seseorang insan, organisasi dan masyarakat keseluruhannya daripada suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik (Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, & Sayuti Ab Ghani, 2018) demi mencapai keredaan Allah SWT. Dakwah dilakukan dengan pelbagai bentuk penyampaian seperti lisan, tulisan dan tingkah laku yang dilakukan secara sedar dan berstrategi.

Terdapat pelbagai usaha bagi memastikan dakwah yang dijalankan sampai kepada golongan sasaran; strategi yang digunakan perlu bersesuaian agar tujuan yang ditetapkan, tercapai. Salah satu usaha dakwah yang giat dilaksanakan pada masa ini adalah berkisarkan pembangunan insan (PI). Pembangunan insan merupakan pembangunan daripada pelbagai bentuk pembangunan sedia ada. Menurut Zainudin Hashim, Fakhru Adabi Abdul Kadir & Yusmini Md. Yusoff (2015), PI merupakan suatu kemestian bagi setiap insan Muslim sepertimana perihal menuntut ilmu. Pembangunan insan merupakan suatu anjakan paradigma yang menuntut pembangunan daripada pelbagai aspek kerana Islam menuntut pembangunan menyeluruh, juga perjuangan serta usaha berterusan.

Dalam bidang dakwah yang menjurus kepada PI, ramai tokoh hadir dengan pelbagai usaha, namun, atas tujuan yang satu iaitu mengajak manusia mentauhidkan Allah SWT. Al-Nursiy merupakan antara pendakwah yang giat dengan usaha dakwahnya bagi menyelamatkan akidah umat Islam pada ketika mereka dibelenggu dan ditindas oleh musuh Islam. Pelbagai *mehnah* ditempuhi dalam usaha dakwahnya, namun beliau kekal memperjuangkan Islam sehingga kembali bersinar daripada kegelapan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian menetapkan dua objektif utama yang ingin dicapai, iaitu;

1. Mengetahui pasti usaha dakwah yang dilakukan al-Nursiy dalam PI.
2. Menganalisis strategi dakwah yang digunakan berdasarkan usaha dakwah yang dilaksanakan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan hasil kajian dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Reka bentuk penyelidikan kualitatif adalah suatu pendekatan meneroka dan memahami sesuatu makna melalui pengumpulan data daripada informan atau data secara bertulis (data sekunder). Ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis data tersebut bagi mencapai objektif kajian (Creswell, 2014). Reka bentuk ini dilihat bersesuaian dengan kajian ini. Kesemua data yang diperolehi adalah berdasarkan kepada kajian literatur dengan mengkaji data yang diperolehi daripada dokumen, jurnal, artikel, buku, media cetak dan elektronik serta laman web yang berkaitan dengan perbincangan tajuk kajian. Kajian ini bertumpu bagi mengenal pasti usaha dakwah yang dilakukan oleh al-Nursiy dalam membantu membangunkan insan cemerlang. Seterusnya, berdasarkan kepada usaha dakwah yang

dilakukan, penulis menganalisis strategi dakwah yang digunakan terutamanya dalam membantu proses PI.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Sub-topik ini membincangkan tiga perkara utama iaitu, pertama, profil ringkas al-Nursiy; kedua, usaha-usaha dakwah al-Nursiy; dan ketiga, strategi dakwah al-Nursiy.

1. Profil Ringkas Badi‘ al-Zaman Sa‘id al-Nursiy

Al-Nursiy merupakan satu model dalam lapangan *islah* dan dakwah. Beliau terkenal sebagai pengasas gerakan agama yang paling penting di Turki (Hasan Horkuc, 2004), bahkan, merupakan seorang *mujaddid* dan *mufasir* yang terkenal dengan kitabnya “Kulliyat Rasa’il al-Nur”. Dakwah dalam bidang PI menjadi tumpuan beliau kerana Turki pada ketika itu sedang berhadapan dengan pelbagai tekanan dan tentangan daripada musuh-musuh Islam. Dalam dakwah yang dijalankan, beliau amat menitikberatkan soal akidah (Mohd. Hasrul Shuhari, Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Shaifulbahri Abdullah, 2015) dan perkara ini jelas terlihat menerusi sejarah kehidupannya, bermula daripada didikan kedua ibu bapa sehingga kepada penulisan beliau yang dijadikan rujukan sehingga hari ini.

Beliau dilahirkan pada tahun 1876, ketika Sultan Abdul Hamid II menaiki takhta pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987), di sebuah desa bernama Nurs. Beliau beragama Islam dan berbangsa Kurdi (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Ibu bapa beliau bernama Mirza dan Nuriyat (Al-Nursiy, 2013). Sepanjang kehidupannya, ibu bapa beliau amat menekankan didikan agama. Bapanya seorang ahli sufi yang soleh dan amat menjaga perlakuan serta mengutamakan sumber yang halal dan meninggalkan yang haram (Al-Nursiy, 2013). Ibunya pula merupakan seorang yang amat menjaga solat dan tidak pernah meninggalkan solat tahajud melainkan sewaktu didatangi haid, bahkan, sentiasa memastikan dirinya bersih dan berwuduk saat menyusukan anak-anak (Al-Nursiy, 2013). Perkara-perkara ini diberi penekanan dalam mendidik anak-anak sehingga memiliki kecerdasan dan kecerdikan yang luar biasa (Al-Nursiy, 2013).

Al-Nursiy merupakan anak keempat daripada tujuh beradik dengan mengikut turutan kelahiran iaitu Durriyat, Khanim, ‘Abd Allah, Muhammad, ‘Abd al-Majid, dan Marjan (Al-Nursiy, 2013). Beliau merupakan seorang penunggang kuda yang cekap dan penembak yang hebat, selain memiliki tubuh badan yang sihat dan tegap (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987).

Keberanian dan semangat juang yang tinggi, tabah dan sabar menghadapi pelbagai *mehnah* kehidupan juga merupakan antara sifat yang dimiliki.

Menurut Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987), al-Nursiy merupakan seorang yang gemar memakai pakaian kebangsaan suku Kurdi, berserban, berkasut but tinggi dan sentiasa menyisip rapi sebilah pisau di pinggangnya. Berkaitan pemakanannya, beliau merupakan seorang yang sangat bersederhana (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Al-Nursiy mahir berbahasa Turki dan Kurdish, malah mahir membaca dan menulis dalam bahasa Arab dan Parsi (Al-Nursiy, 2013). Sepanjang hayatnya, beliau berhadapan dengan tiga fasa penting dalam sejarah perubahan pemerintahan di Turki. Pertama, ketika di fasa akhir pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924M. Kedua, fasa pemerintahan sekular sekitar tahun 1925-1950M. Seterusnya ketiga, ketika fasa pemerintahan Parti Demokrat pada tahun 1950M (Edi Amin, 2018). Tiga fasa yang dilalui ini memberi kesan kepada kehidupan dan pemikiran al-Nursiy.

Oleh kerana kecerdasan akal dan kemampuan berdebat ilmiah bersama para ulama terkemuka, beliau diberi gelaran ‘Badi‘ al-zaman’ (keunggulan zaman) ketika berusia 16 tahun oleh ulama besar Turki (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Dengan keilmuan dan kecerdasan yang dimiliki, juga atas dasar ingin menjaga keimanan umat Islam saat itu, selain mempertahankan ajaran kitab suci al-Quran dari lenyap daripada pegangan umat Islam, beliau bangkit dengan pelbagai usaha dan strategi dakwah tersendiri agar matlamat yang ingin dicapai terlaksana.

2. Usaha-usaha Dakwah Badi‘ Al-Zaman Sa‘id Al-Nursiy

Usaha dakwah yang dilakukan oleh al-Nursiy dapat dilihat dalam beberapa peringkat iaitu, pertama, pemantapan ilmiah; kedua, al-qudwat al-hasanat; dan ketiga, penyebaran dakwah. Pemantapan usaha pada setiap peringkat yang dilalui sepanjang kehidupannya bermula dengan didikan keluarga, diri sendiri, seterusnya kepada kolompok kecil sehingga kepada kelompok yang lebih besar. Huraian perbincangan adalah seperti berikut:

a. Pemantapan Ilmiah

Pendidikan al-Nursiy telah bermula sejak kecil melalui tarbiah secara langsung daripada ibunya, Nuriyat. Beliau menyatakan bahawa ilmu terbaik yang dipelajari dan kekal tersemat dalam diri adalah kesan didikan yang diterima daripada ibunya (Al-Nursiy, 2013). Begitu

juga belajar daripada ayahnya, Mirza, yang seringkali mengadakan majlis ilmu di rumahnya dengan kehadiran para ulama (Al-Nursiy, 2013). Tidak dinafikan juga, beliau turut mendapat pendidikan daripada abangnya, Mulla ‘Abd Allah ketika usianya antara sembilan dan 10 tahun (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987); beliau amat terkesan dengan abangnya yang ketika itu telah terlebih dahulu mendalami ilmu pengetahuan (Al-Nursiy, 2013).

Daripada kecil, beliau telah mempelajari al-Quran dan mendalami pelbagai ilmu di beberapa tempat luar daripada kawasan kampungnya melalui bimbingan daripada para guru dan ulama terkenal (Al-Nursiy, 2013). Dalam masa yang singkat, bukan sahaja ilmu agama yang dipelajari, malah beliau turut mendalami ilmu sains moden; beliau melakukannya tanpa pertolongan daripada sesiapa pun (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987; Al-Nursiy, 2013). Kebolehan dan kecerdasan al-Nursiy dalam pelbagai bidang ilmu dapat dilihat kepada kemampuannya membaca dan memahami kandungan kitab dengan baik dalam jangka masa yang singkat dan tanpa bantuan orang lain, serta kemampuan beliau menjawab persoalan yang diajukan kepadanya dengan jelas dan tepat (Al-Nursiy, 2013). Kemahiran dalam perdebatan ilmiah juga dimiliki ketika usianya masih muda.

Menurut Ihsan Qasim al-Salihy (2013), kecerdasan ini dimiliki kerana semenjak kecil beliau seringkali mengajukan persoalan berkaitan perkara yang tidak difahaminya. Keilmuan yang mantap dan kecerdasan beliau dalam bidang ilmu yang luas ini memberi kesan dan impak yang besar bukan sahaja kepada dirinya sendiri dan umat Islam pada ketika itu, tetapi turut memberi inspirasi kepada pemimpin negara (Nurhazwani Mohd. & Shereeza Mohamed Saniff, 2021), dan bahkan, menyebabkan beliau terkenal dengan kesucian hati, ketakwaan serta keberanian (Muaz Hj Mohd Nor, et al., 2021).

b. Al-Qudwat al-Hasanat

Selain pementapan ilmiah, usaha dakwah al-Nursiy dapat dilihat menerusi *al- qudwat al- hasanat*. Al-Nursiy memiliki sifat dan akhlak terpuji yang boleh dijadikan suri teladan dalam setiap aspek kehidupan. Menurut Ihsan Qasim al- Salihy (2013), al-Nursiy merupakan seorang yang merendah diri, berakhlak mulia dan menolak kezaliman semenjak beliau kecil lagi; setiap akhlak mulia yang tersemat pada dirinya, kekal sehingga beliau dewasa.

Melihat sudut hubungannya dengan Allah SWT, Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987) menyatakan bahawa al-Nursiy merupakan seorang yang amat menjaga hubungannya dengan

Allah SWT. Beliau melaksanakan segala hak-Nya seperti mendirikan solat malam dan bermunajat kepada-Nya. Perkara ini jelas dilihat sewaktu beliau tegas mempertahankan al-Quran, malah berjanji akan membuktikan kemukjizatannya ketika Gladston mengancam merampas dan menjauhkan umat Islam daripada al-Quran (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Dalam hubungannya dengan sesama manusia, beliau menjaga adab dan akhlaknya, sentiasa menjaga pandangan apabila berurusan dengan kaum wanita, selain berhikmah dalam memberi nasihat (Al-Nursiy, 2013). Al-Nursiy bukan sahaja menyampaikan dakwah dengan lisannya, malah, turut membuktikan dengan perlakuannya. Sebagai contoh, dalam memperjuangkan Islam, beliau turut serta dalam beberapa peperangan seperti ketika Perang Dunia Pertama menentang tentera Rusia, menentang penjajah-penjajah British serta fahaman yang bertentangan dengan Islam sewaktu pemerintahan sekular Mustafa Kamal (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987).

Dalam hubungannya dengan makhluk lain, boleh dikatakan al-Nursiy mengasihi setiap makhluk ciptaan Allah SWT, dan ini dapat dilihat ketika beliau berhadapan dengan sekumpulan semut, beliau memberi makan kepada semut-semut itu dan tidak menyakiti makhluk Allah SWT tersebut (Al-Nursiy, 2013). Dalam satu contoh lain, menurut Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987), al-Nursiy melarang para pegawai yang mengiringinya ke tempat pengasingan membunuh burung yang berterbangan, terutama ketika musim bunga kerana waktu itu banyak anak burung dilahirkan. Dalam usaha dakwahnya, beliau bukan sahaja mengajak sesama insan menyahut seruan melakukan perubahan kepada keadaan yang lebih baik, tetapi didahului dengan dirinya sendiri supaya dapat menjadi *al-qudwat al-hasanat*. Beliau amat menekankan penerapan nilai-nilai murni berteraskan Islam dalam setiap aspek kehidupan merangkumi hubungan dengan Allah SWT, dengan sesama insan, malah dengan makhluk lain berbanding nilai-nilai kebudayaan Barat yang diagung-agungkan (Edi Amin, 2018).

c. Penyebaran Dakwah

Ketika Turki berhadapan dengan tentangan dan penekanan berupa larangan, serta pengajaran agama diperketatkan, huruf Arab digantikan kepada huruf Latin, dan pengisytiharan Turki sebagai negara sekular (Ihsan Qasim al-Salihy, 2013), masjid ditutup dan azan diharamkan (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987), serta segala penentangan lain, perjuangan dakwah al-Nursiy terus berjalan. Penyebaran dakwah beliau dilakukan berterusan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Antara metode penyebaran yang digunakan ialah melalui *da'wat bi*

al-lisan, da'wat bi al-hal dan da'wat bi al-kitabat.

Pertama, *da'wat bi al-lisan* bererti dakwah yang berupa kata-kata ucapan untuk menyampaikan isi atau pesan dakwah (Fariqh Ahmad Zulfawzi, 2019). Melalui metode ini, al-Nursiy menekankan penyampaian ilmu dengan memberi ceramah, nasihat, mengajar dan bimbingan di masjid dan madrasah, kepada satu puak ke satu puak lain, di kem tahanan perang, selain mengadakan perdebatan ilmiah antara para ulama (Al-Nursiy, 2013).

Kedua, metode *da'wat bi al-hal*. *Da'wat bi al-hal* ialah suatu kegiatan dakwah yang dilakukan dengan memperlihatkan sikap, gerak-geri, kelakuan dan perbuatan (akhlak) dengan harapan mad'u dapat menerima, melihat dan mencontohinya (Azizul Azra Abdul Razak & Mohd. Hisyam Abdul Rahim, 2018). Selain itu, metode dakwah ini turut memberi penekanan kepada pengintegrasian hubungan horizontal dan vertikal (Edi Amin, 2018). Begitu juga, beliau turut menekankan pengintegrasian antara ilmu Islam dan sains moden. Perjuangan beliau untuk mengembalikan kegemilangan Islam dapat dilihat melalui penekanan kepada pengintegrasian dua bidang ilmu ini supaya pendidikan yang diberikan selari dengan peredaran zaman dengan mengambil kira realiti semasa dan isu kontemporari yang berlaku ketika itu (Amad Kazim Muhammad Saleh, 2015). Perkara ini turut dinyatakan oleh Edi Amin (2018), bahawa al-Nursiy amat menekankan pendidikan moden Barat tanpa meninggalkan pendidikan Islam tradisional.

Ketiga, penyebaran dakwah dilakukan menerusi *da'wat bi al-kitabat*. Penulisan sebenarnya merupakan satu bentuk pernyataan keinginan untuk mendidik, memberitahu dan menghiburkan pembaca, selain merupakan satu proses perhubungan idea antara penulis kepada pembaca (Zainudin Hashim, Fakhrol Adabi Abdul Kadir & Yusmini Md. Yusoff, 2015). Pengaruh ilmu menerusi penulisan ilmiah bukan sahaja disebar luas pada waktu beliau masih hidup (Nurhazwani Mohd. & Shereeza Mohamed Saniff, 2021) antara beliau dengan pelajarnya, namun kini tersebar luas ke seluruh dunia menerusi perjuangan gerakan "Nur". Semangat memperbaiki dan membangunkan insan khususnya, umat Islam keseluruhannya jelas terlihat menerusi karyanya. Oleh sebab itu, al-Nursiy menuntut setiap insan untuk membaca kitabnya, *Kulliyat Rasa'il al-Nur*, memahaminya, bahkan menjadikannya pedoman dalam membina ummah (Edi Amin, 2018). Menurut Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987), kitab ini memberikan penjelasan kepada umat Islam khususnya, tentang keimanan dan kembali kepada ajaran Islam. Walaupun berhadapan dengan pelbagai mehnah dan tribulasi dalam memperjuangkan penulisan kitab ini, demi tujuan yang dinyatakan, beliau

teguh memperjuang dan meneruskan penulisan risalah ini.

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan sebelum ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga usaha dakwah utama yang dilakukan oleh al-Nursiy, iaitu menerusi pemantapan ilmiah, *al-qudwat al-hasanat*, dan penyebaran dakwah. Perkara ini dapat digambarkan sebagaimana Rajah 1 seperti berikut:



Rajah 1: Usaha Dakwah Badi' Al-Zaman Sa'id Al-Nursiy

3. Strategi Dakwah Badi' Al-Zaman Sa'id Al-Nursiy

Berdasarkan perbincangan berkaitan usaha-usaha dakwah yang dilakukan sebelum ini, al-Nursiy memiliki strategi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017) dakwah yang tersendiri dengan menggunakan pendekatan bawah-ke-atas (Mohd Shukri Hanapi, 2014; Faleh Suaedi & Genut Wahyu Widiono, 2017). Menurut Muhammad Syukri Salleh (1999), pendekatan ini merupakan pendekatan yang bermula dari dalam diri individu sendiri – ini merupakan satu strategi asas dalam dakwah. Terdapat tiga ciri penting menerusi pendekatan bottom-up yang dilakukan oleh al-Nursiy, iaitu: pertama, menerusi persiapan diri dan keperibadian; kedua, kepimpinan; dan ketiga, proses mendekati masyarakat. Perbincangan lanjut berkenaan strategi dakwah yang digunakan adalah seperti berikut:

a. Persiapan diri dan keperibadian

Strategi dakwah yang dilakukan al-Nursiy didapati mempunyai ciri-ciri pendekatan bawah-ke-atas (bottom-up) (Nurhazwani Mohd. & Shereeza Mohamed Saniff, 2021). Al-Nursiy telah mempersiapkan diri dari awal demi memartabatkan agama Islam; terdapat beberapa aspek utama yang mempengaruhi keperibadian terpuji yang dimiliki oleh al-Nursiy.

Aspek pertama ialah didikan yang diperolehi daripada ibunya, Nuriyat – ini merupakan asas terpenting kepada ilmu-ilmu lain yang diperolehinya (Wan Rashidah Hanim, 2015). Kedua, pengetahuan dan pengupayaan al-Nursiy dalam ilmu teologi dan sains moden. Ketiga, al-Nursiy sangat menyanjungi ahli keluarganya, terutama ibu bapa dan abangnya, Molla 'Abd Allah. Keempat, majlis ilmu yang sering kali diadakan di rumahnya telah berjaya

menyuburkan jiwa al-Nursiy dengan majlis-majlis pengajian (ta'lim) yang lain. Kelima, penglibatan al-Nursiy dengan berbincang (musyawarat) dan bertemu (muqabalat) bersama-sama para ulama dan orang dewasa.

Kesemua aspek ini, menurut Mohd. Nasir (2015), telah banyak mempengaruhi perwatakan dan juga pemikiran al-Nursiy yang melangkaui peredaran zaman pada zamannya.

b. Kepimpinan

Al-Nursiy merupakan seorang insan yang ditakdirkan berhadapan dengan pelbagai situasi sukar sepanjang hidupnya; contohnya, beliau menghadapi waktu ketika Islam berada dalam penindasan, berhadapan pengasingan, peperangan, malah, pernah menjadi tahanan (Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd. Shukri Hanapi, 2021). Walaupun berhadapan pelbagai keadaan ini, beliau berjaya menggerakkan insan dan masyarakat menerusi keperibadiannya yang sentiasa berfikiran 'pandang ke hadapan', berkemahiran dan sentiasa berusaha supaya perancangan yang dibina dapat dilaksanakan walaupun dalam keterbatasan pergerakan. Al-Nursiy berkebolehan mencari jalan keluar untuk menyampaikan mesej supaya setiap insan kembali kepada Islam dan mengamalkan ajaran agama dengan sebaiknya, walaupun beliau dihimpit kesukaran menyampaikan dakwahnya menerusi lisan dan penulisan ketika di penjara.

Ketika dalam pengasingan dan tahanan, al-Nursiy berfikiran secara inovatif untuk menulis di atas apa sahaja objek yang berunsur kertas. Kemudian, karyanya diseludup keluar menggunakan kotak-kotak mancis dengan bantuan anak-anak didik dan sahabat yang meyakini kebenaran dakwah agama Islam. Meskipun ujian demi ujian menimpa ke atas dirinya, al-Nursiy tetap dengan pendirian untuk menyampaikan dakwah melalui karya dan penulisannya. Dua aspek penting mengenai kepimpinan beliau boleh dilihat daripada sudut institusi pendidikan dan dari sudut peranan anak-anak didiknya dan sahabat beliau (Wan Rashidah Hanim, 2015).

Menerusi institusi pendidikan, khususnya di timur Turki yang dikenali sebagai Gagasan "Madrasat al-Zahra", al-Nursiy berupaya membangunkan sistem pendidikan umat Islam yang lebih menyeluruh. Beliau berpendapat bahawa sistem pendidikan yang betul merupakan penyelesaian kepada kemunduran umat Islam yang sedang dialami pada akhir kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah (Mohd. Nasir Ayub, 2015). Kedua, menerusi karya-karya penulisan al-Nursiy, terutamanya *Kulliyat Rasa'il al-Nur*; kitab ini semakin dikenali kesan


daripada penyebaran naskah oleh anak-anak didiknya dan sahabat. Dengan itu, penyampaian dakwah beliau terus meluas (Wan Rashidah Hanim, 2015) sehingga dapat memobilisasikan masyarakat Muslim pada zamannya.

c. Proses mendekati masyarakat

Bahagian ini merujuk kepada proses al-Nursiy mendekati masyarakat. Perkara ini jelas dengan penggunaan metode yang pelbagai sebagaimana dinyatakan dalam usaha penyebaran dakwah beliau. Proses ini mempunyai unsur-unsur yang mengajak masyarakat untuk memahami mesej Islam. Tidak hanya tertumpu kepada penggunaan satu metode, beliau mempelbagaikan kaedah pendekatan bagi memaksimumkan penyampaian maklumat kepada orang ramai.

Namun, disebabkan keterbatasan pergerakan dan tekanan daripada musuh-musuh Islam pada ketika itu, metode *da'wat bi al-kitabat* dilihat lebih mendominasi metode selainnya, sehingga dapat menghasilkan *Kulliyat Rasa'il al-Nur*. Perbincangan penulisan ini adalah berdasarkan pemerhatian dan analisis yang dilakukan terhadap keadaan masyarakat yang memerlukan ilmu asas iaitu, ilmu akidah atau ilmu tauhid. Perkara ini merupakan asas proses dakwah al-Nursiy yang bertunjangan ketinggian martabat kefahaman agama Islam. Tindakan dan usaha dakwah al-Nursiy menerusi pegangan akidah merupakan wadah penyampaian utama yang dihuraikan dengan berkeyakinan.

Hal ini menzahirkan kepintaran al-Nursiy dalam penyebaran ilmu pengetahuan dan penyampaian dakwah yang berseni sebagai cara dan usaha penyampaiannya dalam mengembalikan kegemilangan Islam buat seluruh masyarakat (Habiburrahman El Shirazy, 2015). Dapat dirumuskan di sini, pendekatan bottom-up adalah strategi dakwah yang dipilih dan digunakan al-Nursiy dalam membina insan yang bukan sahaja cemerlang di dunia, malah di akhirat. Perkara ini dapat digambarkan dalam Rajah 2:



Rajah 2: Strategi Dakwah Badi' Al-Zaman Sa'id Al-Nursiy

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa al-Nursiy merupakan seorang tokoh Islam yang sangat aktif dan prolifik dalam lapangan dakwah dan pembangunan insan. Beliau telah meninggalkan legasi perjuangan yang masih diingati dan diperjuangkan oleh generasi masa kini. Semangat juang dakwah beliau yang kental dapat dilihat menerusi usaha pemantapan ilmiah, *al-qudwat al-hasanat*, dan penyebaran dakwah yang beliau lakukan dalam setiap peringkat perjuangan sepanjang kehidupan beliau, bermula dengan didikan keluarga, diri sendiri, seterusnya masyarakat – daripada kelompok kecil sehinggalah kelompok yang lebih besar. Al-Nursiy juga telah menyusun strategi dakwah dalam usaha membangunkan masyarakatnya menerusi persiapan diri sendiri dan keperibadian, serta kepimpinan dan proses mendekati masyarakat. Strategi dakwah al-Nursiy menerusi pendekatan *bottom-up* telah memberi dampak dakwah yang sangat positif sehingga legasi beliau sentiasa dicontohi dan disebut-sebut oleh masyarakat generasi kini.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. 1997. *Pengantar dakwah islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amini Amir Abdullah. 2014. *Metodologi dakwah kontemporari*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Azizul Azra Abdul Razak & Mohd. Hisyam Abdul Rahim. 2018. Falsafah dakwah bil hal: menurut perspektif al-Qur'an. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Special Issue. (1-17)
- Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursiy. 2013. *Sirah al-dzatiyyah*. Terj: Ihsan Qasim al-Salihiy. Kaherah: Sozler Publications.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, & Sayuti Ab Ghani. 2018. Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: satu sorotan. *Tinta Artikulas Membina Ummah*. Vol 4. Bil 1. (23-33).
- Creswell, J. W. 2014. *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. California: SAGE Publication Inc.
- Edi Amin. 2018. Pemikiran dakwah Bediuzzaman Said Nursi. *Dakwah: Jurnal Kajian Dakwah dan Kemasyarakatan*. Vol 22. Bil 2. (138-151).
- Faleh Suedi, M.Si, Genut Wahyu Widiono, S. IAN. 2017. Integrasi pendekatan top-down dan bottom-up. *Community Development*. Vol 1. Bil 1. (617-632).

- Fariqh Ahmad Zulfawzi. 2019. *Metode dakwah bil lisan*. Makalah Tugas Metodologi Dakwah. Semarang, Fakultas Dakwah Dan Komunikasi.
- Habiburrahman El Shirazy. 2015. *Api tauhid cahaya keagungan cinta sang mujaddid*. Selangor: Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.
- Hasan Horkuc. 2004. *Said Nursi's ideal for human society: moral and social reform in the Risale-i Nur*. Tesis Doktor Falsafah, Institute for Middle-Eastern and Islamic Studies, University of Durham.
- Ihsan Qasim al-Salihy. 2013. Ringkasan Riwayat Hidup Badiuzzaman Said Nursi. <http://malaysianur.com/en-US/Malay-60-k> [Accessed at: 4 Mei 2021]
- Mat Rofa Ismail. 2016. *Kerdipan bintang melayu di langit turki*. Selangor: Grup Buku Karangraf Sdn. Bhd.
- Mohd Hasrul Shuhari, Muhammad Rashidi Wahab & Mohd. Shaifulbahri Abdullah. 2015. *Ketokohan Badi' al-Zaman Sa'id Nursi dalam aspek akidah*. Prosiding ICIC2015 – International Conference on Empoweing Islamic Civilization in the 21th Century. UNISZA. 6-7 September 2015. (541-550).
- Mohd. Nasir Ayub. 2015. *Pemikir pendidikan islam menurut Badiuzzaman Said Nursi dalam Risalah Al-Nur*. Tesis PhD yang diserahkan di Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd. Shukri Hanapi. 2014. Pelaksanaan pembangunan berteraskan islam: kajian kes komuniti islam ban nua, hatyai, thailand. *Journal of Techno- Social*. Vol 6. Bil 1. (59-69).
- Muaz Hj Mohd Noor, S. S. 2021. Komunikasi dakwah efektif Badiuzzaman Said Nursi: kajian terhadap latar belakang turki penghujung abad ke-19 masihi. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)*. Vol 1. (72-80).
- Muhammad Syukri Salleh. 1999. Realisation of islamic development: between top-down and bottom-up approaches. *IKIM Journal*. Vol 7. Bil 1. (17-29).
- Nasrudin Sidi. 2010. *Pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya: kajian tentang tarikan dakwahnya di selatan thailand*. Tesis Sarjana yang diserahkan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd. Shukri Hanapi. 2021. Aspek- aspek pembangunan insan: analisis ketokohan Badi'uzzaman Sa'id al-Nursi. *JISED: Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Vol 6. Issue 39. (134-146)
- Nurhazwani Mohd. & Shereeza Mohamed Saniff. 2021. Pendekatan bawah- ke-atas Badiuzzaman Said Nursi berdasarkan aspek penyampaian dakwah: satu sorotan awal.

JISED: Journal of Islamic, Social, Economics and Development. Vol 6. Issue 39. (374-385)

Wan Jaffree Wan Sulaiman. 1987. *Mujaddid islam Sheikh Bediuzzaman Said Nursi*. Ankara: Ihlas Nur Nesriyat.

Wan Rashidah Hanim Wan Mohamad. 2015. *Sketsa pemikiran Badiuzzaman Said Nursi dalam metode da'wah bi al-kitabah: analisis kitab risalah al-nur*. International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia. 6-7 September 2015. (634-646).

Yusuf al-Qaradawiy. 1996. *Thaqafah al-da'iyah*. Kaherah: Maktabah al- Wahbah.

Zainudin Hashim, Fakhrul Adabi Abdul Kadir & Yusmini Md. Yusoff. 2015. Pendekatan Hasan al-Banna dalam pembangunan insan menerusi majmu'at al-rasail. *Jurnal Hadhari*. Vol 7. Bil 2. (49-62).

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin. 2012. Pendidikan menurut al-quran dan sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*. (7-22).